

04/02/2003

`Cakap tak serupa bikin' dalam Umno perlu dibendung

Dr Mohd Azam Rauzan

POLITIK Malaysia dijangka terus menyaksikan beberapa peristiwa menarik sepanjang tahun ini sehingga selesai musim pilihan raya umum akan datang. Banyak yang telah diperkatakan mengenai angin perubahan yang melanda Umno dalam proses memantapkan jentera parti.

Bermula dengan beberapa penyusunan semula yang dilakukan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Badan Perhubungan Umno Kelantan hingga kepada yang lebih dinamik dan progresif. Tentu sekali, penyusunan semula kepemimpinan Umno Kelantan sangat diperlukan bagi memantapkan rangkaian kerja serta keutuhan dalaman parti.

Namun, penyusunan semula itu nampaknya disambut sehingga menjadi `demam' apabila ia semacam mula merebak ke negeri lain. `Demam' yang merimaskan ini berlaku apabila agak ramai pemimpin Umno memberikan reaksi positif dalam memberi laluan kepada pemimpin baru dan dinamik untuk meneruskan kesinambungan perjuangan parti. Tahniah.

Seperti biasa, maka akan ada semacam satu semangat baru (diharapkan tidak hangat-hangat tahi ayam) di kalangan pemimpin lama untuk menunjukkan keghairahan dalam melepaskan jawatan demi memberi ruang kepada pemimpin baru. Agak menarik juga apabila kebanyakan mereka yang menawarkan diri itu datang daripada golongan yang baru sepenggal dua memegang teraju.

Barangkali tawaran mengundurkan diri secara rela hati sebenarnya membuktikan bahawa masih ramai pemimpin sedia ada yang sebenarnya sanggup berkorban apa saja demi keutuhan parti. Sama ada apa yang telah diperkatakan oleh mereka hanya retorika politik, masa yang akan menentukan.

Fenomena ini jika dihayati bersama memang sesuatu yang baru dalam Umno. Daripada sudut positifnya, ia tentu sekali dapat memberikan gambaran bahawa sebenarnya proses transformasi yang ingin dilakukan oleh Dr Mahathir telah pun berjalan secara spontan tanpa disedari.

Namun, pada hakikatnya, bukankah lebih baik sekiranya mereka dapat menumpukan sepenuh tenaga dan pemikiran dalam memantapkan gerak kerja parti daripada membuat komen yang kadangkala boleh mengelirukan serta memudaratkan parti?

Bukankah perkara seperti itu lebih manis dan tepat untuk dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi parti dan bukannya menerusi media massa seperti apa yang berlaku?

Adalah tepat komen Datuk Seri Najib Razak selaku Naib Presiden Umno baru-baru ini yang mengingatkan kepemimpinan parti tidak harus terlalu lantang menyuarakan hasrat untuk berundur secara sukarela, bagi mengelakkan timbul tanggapan serta mengundang spekulasi yang tidak menentu di negeri masing-masing.

Beliau menambah: "Jika pemegang jawatan itu bersedia untuk meneruskan khidmatnya sekalipun, tapi pucuk pimpinan parti meminta dia mengundurkan diri, maka dia harus akur. Kita harus yakin bahawa apa juga keputusan pucuk pimpinan adalah untuk kebaikan parti." (Berita Harian, 28 Januari 2003)

Peringatan ini penting sebelum ia menular ke peringkat yang boleh mengganggu gugat kestabilan parti. Kita tidak harus memberi ruang untuk pihak pembangkang menanggung di air keruh dalam apa juga keadaan.

Bukankah sistem demokrasi yang kita guna pakai selama ini sebenarnya melucutkan jawatan semua pemimpin serta wakil rakyat secara automatik sebaik Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan bagi membolehkan

rakyat menentukan mandat mereka? Bukankah selama ini hak memilih calon atau melantik seseorang pemimpin ke jawatan eksekutif berada di tangan kepemimpinan tertinggi parti?

Persoalan utama serta permasalahan besar yang perlu dihadapi oleh kepemimpinan tertinggi parti ialah menangani masalah `nafsu' serta tindak-tanduk beberapa pemimpin yang tidak sedar diri untuk berundur walaupun mereka tahu bahawa sumbangan mereka kepada parti sudah mula luntur dan tidak berkesan lagi.

Apabila tiba saja musim pilihan raya, mereka inilah yang sanggup menangis dan merayu dengan pelbagai alasan untuk mereka kekal menjadi calon. Mereka jugalah yang akan memastikan diri masing-masing menjadi pilihan utama sebagai calon apabila mengemukakan cadangan kepada kepemimpinan parti.

Mereka inilah yang sebenarnya menjadi penghalang serta rintangan besar dalam proses transformasi kepemimpinan parti baik di peringkat tertinggi, bahagian, hatta di peringkat cawangan sekalipun.

Misalnya, ada pemimpin berbangga dengan rekod memegang teraju bahagian sehingga berpuluh tahun walaupun hakikatnya sudah tidak lagi memegang apa-apa jawatan penting dalam parti dan kerajaan.

Apabila menjelang pemilihan bahagian pula, jika ada pelapis lebih dinamik tampil memberikan sumbangan, perubahan serta input yang membina untuk parti, pemimpin lama akan mengecam tenaga baru ini sebagai bernafsu dan tidak mengenang jasa serta tidak menghormati orang lama.

Pemimpin baru ini juga dituduh sebagai tidak faham perjuangan parti serta ditekan dan ditindas, tanpa melihat keikhlasan mereka menabur jasa dan bakti kepada parti.

Gelagat ini menidakkan peluang parti untuk menjadi lebih dinamik dan melahirkan kesinambungan kepemimpinan berwibawa dan seolah-olah hanya merekalah (pemimpin lama tadi) yang layak memimpin dan memajukan parti.

Sindrom menyekat kemunculan pemimpin baru ini, disadari atau tidak, adalah petunjuk bahawa ada sikap mementingkan diri dan kedudukan walhal mereka jugalah yang sering melaung-laungkan bahawa perjuangan serta pengorbanan untuk parti mengatasi kepentingan peribadi.

Budaya `cakap tak serupa bikin' seperti pemimpin di atas haruslah dibendung jika Umno benar-benar ikhlas dalam proses transformasi kepemimpinan ke arah yang lebih dinamik dan profesional.

Maka, sikap mengutamakan kedudukan harus diketepikan dalam pelantikan jawatankuasa penaja di peringkat bahagian dalam proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang baru.

Ini perlu dilakukan dalam menjamin Umno dapat diterajui oleh muka baru untuk memberikan impak serta komitmen yang selari dengan kehendak dan cita rasa rakyat.

Masa berubah. Cita rasa rakyat berubah. Pemimpin pun akan silih berganti. Keperluan dan aspirasi masyarakat juga tidak sama seperti mulanya Umno ditubuhkan dulu. Majoriti mereka yang akan hidup di bawah kepemimpinan pemimpin baru Malaysia nanti adalah rakyat pasca merdeka.

Cuma yang kita tidak pasti ialah sempadan perubahan itu. Patriotisme, kesedaran, kekayaan dan sosialisasi mereka akan memasuki episod baru. Mana-mana parti politik yang tidak bersedia menghadapi arus itu akan hanyut. Dayung sudah di tangan, berkayuhlah agar tidak tersasar haluan.

DR MOHD AZAM RAUZAN,
Bandar Baru UDA,
Johor Bahru.